

03/12/2003

PM jamin pelabur tidak rugi

Wan Hazmir Bakar; Azli Ayob

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerajaan akan terus memastikan iklim pelaburan negara sentiasa baik dan selamat daripada ancaman bagi memastikan pelaburan di negara ini tidak merugikan pelabur.

Perdana Menteri berkata, sistem pelaksanaan kerajaan juga akan terus dipertingkatkan bagi menjamin kelicinan semua urusan perdagangan di negara ini.

Berucap pada majlis sambutan Hari Raya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) serta sektor swasta di sini semalam, Abdullah yang sudah sebulan mengambil alih pemerintahan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, turut memberi jaminan bahawa dasar yang selama ini berjaya memperkukuhkan ekonomi negara tidak akan diubah.

"Pelaburan anda di Malaysia tidak akan merugikan. Kami akan memastikan negara ini kekal selamat. Malaysia akan kekal sebagai negara selamat.

"Kita juga akan memperbaiki sistem pelaksanaan bagi mewujudkan iklim pelaburan yang benar-benar baik. Dasar ekonomi juga tidak akan banyak berubah, sebaliknya akan kekal sama," katanya pada majlis yang turut dihadiri 39 perwakilan Persekutuan Pengeluar Singapura (SMA).

Hadir sama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, pegawai kanan kerajaan dan peneraju industri.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan, berkata, kerajaan akan terus memastikan iklim perniagaan yang baik bagi membolehkan sektor swasta terus berfungsi sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, walaupun kerajaan perlu menjadi `enjin penyelamat ekonomi' negara dalam keadaan tertentu seperti ketika kemelesetan dan krisis ekonomi, fungsi memacu pertumbuhan ekonomi negara perlu dimainkan sektor swasta.

"Kerajaan tidak boleh terus menjadi enjin pertumbuhan ekonomi. Fungsi ini perlu sama-sama dimainkan kerajaan dan sektor swasta," katanya.